

Faktor-Faktor Mempengaruhi Penyelesaian Audit Cukai: Kajian dari Perspektif Juruaudit Cukai Malaysia

(Factors that Influence the Completion of Tax Audit: A Research on Perspective of Tax Auditor in Malaysia.)

THILAGAVATHY APADORE, ROSIATI RAMLI & MOHD RIZAL PALIL

ABSTRAK

Cukai pendapatan merupakan sistem cukai yang dikenakan oleh Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ke atas pendapatan yang bercukai. Sejak tahun 2001, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi syarikat diikuti dengan pembayar cukai individu pada tahun 2004. Audit cukai merupakan satu instrumen penting dalam STS kerana ia menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai. Pematuhan cukai ini sentiasa dipantau oleh Juru Audit Cukai (JAC) dari LHDNM melalui proses Audit luar dan Audit meja. Mengikut Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) 2015, sesuatu audit cukai perlu diselesaikan dalam tempoh masa 4 bulan bermulanya audit. Akan tetapi data dari Laporan Tahunan LHDNM 2008 hingga 2013 menunjukkan terdapat kes audit cukai yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC 2015. Kajian ini memfokuskan kepada audit luar sahaja. Bagi mencapai objektif utama kajian ini, borang soal selidik telah dihantar kepada 209 JAC dari LHDNM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara empat faktor yang dikaji dengan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC, iaitu pengetahuan JAC terhadap kerja audit, kerumitan transaksi perniagaan, penyimpanan rekod perniagaan dan kerjasama pembayar cukai. Hasil kajian bagaimanapun mendapati tiada hubungan yang signifikan antara saiz syarikat yang diaudit dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC. Dapatan kajian ini menyumbang kepada literatur audit cukai dan menyarankan beberapa cadangan kepada LHDNM untuk menstrukturkan semula RKAC yang dilihat terlalu umum dengan mengambilkira faktor-faktor yang terbukti signifikan dalam kajian ini.

Kata kunci: Rangkakerja audit cukai; audit cukai; JAC

ABSTRACT

Income tax is a tax system that is applied by the Inland Revenue Board of Malaysia (LHDNM) toward taxable income. Since 2001, the Malaysian government has introduced the Self-Assessment System (SAS) for companies and for individual tax payers in 2004. Tax audit is an important instrument in SAS as it encourages voluntary tax compliance amongst tax payers. Tax compliance is often monitored by Tax Auditors from LHDNM through field and table audit. According to the Tax Audit Framework (RKAC) 2015, a tax audit should be completed within 4 months from its conception. However data from LHDNM Reports 2008 until 2013 shows there are tax audit cases that could not be completed within the required timeline. The primary aim of this study is to identify factors that contribute to the completion of tax audit within the RKAC 2015's required timeline. This study focuses on the external tax audit only. To achieve the objective, questionnaire were sent to 209 Tax Auditors from the states of Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor. The results show existence of significant relationship between four factors and completion of tax audit within the RKAC's timeline, that is Tax Auditor's knowledge on tax audit, complexity of business transactions, keeping of business records and cooperation of tax payers. The result also showed non-significant association between size of companies and completion of tax audit within the RKAC's timeline. The findings contribute to tax audit literature and suggest few recommendations to LHDNM to restructure the Tax Audit Framework which is currently seen as too generic. This can be done by incorporating the four significant factors highlighted in this study.

Keywords: Tax Audit Framework; tax audit; tax auditor

PENGENALAN

Cukai merupakan salah satu sumber utama pendapatan sesebuah negara (Shanmugam 2003; Lymer & Oats 2009). Misalnya, kutipan cukai sebagai peratusan daripada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) pada tahun 2011 adalah sebanyak 26.9% dan 39%, masing-masing (OECD 2012). Dalam konteks Malaysia, peratus kutipan cukai daripada

KDNK pada tahun yang sama adalah sebanyak 15.5%, lantas mengunjurkan kepentingan cukai untuk pembangunan negara. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Sistem Taksir Sendiri (STS) bermula pada tahun 2001 bagi syarikat, diikuti oleh pembayar cukai individu pada tahun 2004. Tujuan sistem ini dikuatkuasakan adalah untuk lebih memudahkan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) membuat kutipan cukai dengan memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada pembayar cukai untuk melaksanakan pematuan terhadap cukai. Penguatkuasaan STS telah memberi kesan yang positif terhadap jumlah kutipan cukai negara. Contohnya, pungutan cukai melalui STS pada tahun 2005 adalah sebanyak RM773.94 juta berbanding dengan jumlah RM481.7 juta pada tahun 2004 (LHDNM 2005). Jumlah ini terus meningkat kepada RM4.5 billion pada tahun 2014 dan seterusnya kepada RM9.8 billion pada tahun 2015 (LHDNM 2015).

Dalam sistem taksiran formal, audit cukai hanya akan dimulakan apabila sesuatu pengelakan cukai oleh pembayar cukai telah disyaki. Selain itu, audit cukai boleh dijalankan terhadap pembayar cukai jika jumlah pulangan cukai disyaki tidak tepat. Akan tetapi, pelaksanaan sistem STS membolehkan pihak LHDNM memulakan proses audit cukai terhadap pembayar cukai tanpa sebarang keperluan (Choong & Wong 2012). Ini bermakna, audit cukai boleh dilakukan dengan lebih meluas lagi. Ini dapat dilihat melalui data yang diperolehi daripada Laporan Audit LHDNM tahun 2000 dan 2001 yang menunjukkan perbezaan jumlah kes audit yang nyata, di mana pada tahun 2000, sebanyak 3,827 kes audit telah dilaporkan dan hanya sejumlah 1,337 kes yang telah diselesaikan pada tahun 2001 iaitu setelah STS mula diperkenalkan, sebanyak 17,649 kes telah diaudit dan bilangan kes yang telah diselesaikan adalah sebanyak 13,082, iaitu kenaikan sebanyak 89% (LHDNM, 2000, 2001).

PENYATAAN MASALAH DAN PERSOALAN KAJIAN

Di bawah STS, pembayar cukai dikehendaki untuk menetapkan anggaran cukai yang wajib dibayar melalui borangnyata cukai and membuat bayaran tersebut secara ansuran kepada LHDNM (LHDNM 2012). LHDNM boleh menjalankan audit cukai terhadap individu atau syarikat yang disyaki atau secara rawak bagi memastikan kesahihan data yang dikemukakan (LHDNM, 2012). Dalam pada itu, kesahihan data yang dikemukakan oleh pembayar cukai dapat diperiksa dan audit cukai dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Berdasarkan RKAC 2007 perkara 7.6.9, sesuatu kes audit cukai luar perlu diselesaikan dalam tempoh masa 3 bulan dari permulaan audit dan sekiranya terdapat kes audit yang mengambil masa lebih dari 3 bulan untuk diselesaikan, pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDNM. Walaupun RKAC telah diperbaharui pada 2009 dan 2013, tempoh masa bagi penyelesaian sesuatu kes audit cukai luar dikekalkan selama tiga bulan. Mulai Februari 2015 pula, RKAC telah dikemaskinikan lagi dan kali ini melalui perkara 7.6.9, dinyatakan bahawa kes audit cukai perlu diselesaikan

dalam tempoh 4 bulan (120 hari kalendar) dari permulaan lawatan audit. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekangan dari segi faktor masa untuk sesuatu kes audit cukai diselesaikan dan RKAC mengambil kira kekangan tersebut dengan melanjutkan lagi tempoh masa audit cukai dari 3 bulan kepada 4 bulan.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa kelewatan dalam penyelesaian kes audit luar merupakan salah satu faktor yang menyebabkan penangguhan kutipan hasil pendapatan negara (Choon & Wong 2012; Yong & Remetse 2012; Lai et al. 2013). Berdasarkan Laporan tahunan LHDNM bagi tahun 2002 hingga 2010, LHDNM telah menyelesaikan sejumlah 4,486,946 kes audit dan telah berjaya memungut sebanyak RM11,050,300 juta sebagai cukai tambahan dan penalti. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut Lai et al. (2013) melaporkan hanya 1.4% kes audit sahaja yang telah diselesaikan dalam tempoh masa tiga bulan manakala yang selebihnya sebanyak 98.6% telah mengambil masa melebihi tiga bulan untuk diselesaikan.

Kajian oleh Choong dan Wong (2012) juga menyatakan bahawa terdapat beberapa kes audit luar yang telah mengambil masa melebihi satu tahun untuk diselesaikan. Selain itu, terdapat juga beberapa kes audit yang ditutup dengan tergesa-gesa semata-mata untuk mematuhi tempoh tamat tiga bulan. Suatu kajian yang dijalankan di New Zealand menunjukkan bahawa tempoh pelaksanaan audit cukai bukan sahaja memerlukan tempoh masa yang panjang, malah memerlukan penambahan kos yang tinggi (Yong & Rametse 2012). Justeru itu, timbul masalah dalam kutipan cukai yang seterusnya mengakibatkan penangguhan kemasukan pendapatan negara.

Laporan tahunan LHDNM (2008 – 2013) menunjukkan bahawa terdapat kes audit cukai yang tidak dapat diselesaikan dalam tahun ianya dimulakan. Sebagai contoh dalam tahun 2008, kes audit cukai yang direkodkan ialah sebanyak 13,985, namun kes yang berjaya diselesaikan hanyalah sebanyak 8,459 kes. Ini bermakna terdapat 39% dari kes audit cukai bagi tahun 2008 tidak dapat diselesaikan dalam tahun yang sama. Begitu juga dalam tahun 2009 di mana peratusannya meningkat kepada 42%, dan terus meningkat kepada 48% dalam tahun 2010. Bilangan kes yang tidak dapat diselesaikan dari tahun lalu akan dibawa ke tahun hadapan, justeru menyebabkan bilangan kes audit semakin bertambah. Kesan utama dari situasi ini ialah kewujudan budaya kerja yang negatif di kalangan JAC di mana mereka perlu tergesa-gesa untuk menyelesaikan sesuatu kes audit luar demi mengejar tempoh masa yang ditetapkan. Oleh itu, kecekapan, kualiti audit dan produktiviti seseorang JAC juga turut terjejas.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor penyebab kepada kegagalan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC dengan mengambilkira perspektif juruaudit cukai kerana mereka yang terlibat secara langsung menyelesaikan sesuatu kes audit cukai. Untuk tempoh lawatan audit luar, RKAC 2013 dan RKAC 2015 melalui perkara 7.5.1 menyatakan bahawa tempoh

mengaudit boleh dilanjutkan bergantung kepada 4 faktor utama, iaitu (1) saiz syarikat (2) kerumitan transaksi perniagaan (3) bentuk penyimpanan rekod perniagaan, dan (4) kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai. Maka kajian ini akan melihat kepada empat faktor utama ini dan menambah satu lagi faktor iaitu pengetahuan juruaudit cukai. Kertas ajian oleh Choong dan Wong (2012) serta Lai et al. (2013) ada menyatakan bahawa pembayar cukai tidak berpuas hati dengan tahap pengetahuan juruaudit cukai dalam melaksanakan audit luar yang mana turut menjejaskan tempoh audit luar.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, maka persoalan utama kajian adalah mengapa JAC tidak dapat melaksanakan audit cukai luar dalam tempoh yang disarankan oleh RKAC? Secara khususnya, kajian ini akan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kes audit cukai luar tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dalam RKAC.

PEMBENTUKAN HIPOTESIS

Hipotesis bagi kajian ini merangkumi hubungan antara lima pemboleh ubah iaitu saiz syarikat yang diaudit, kerumitan transaksi perniagaan, penyimpanan rekod perniagaan, kerjasama pembayar cukai, dan pengetahuan JAC terhadap audit cukai dengan tempoh penyelesaian audit cukai. Perbincangan bagi pembentukan setiap hipotesis dijelaskan dalam perenggan seterusnya.

Kajian lepas melaporkan bahawa syarikat yang lebih besar (saiz) mungkin mempunyai sistem organisasi dan operasi kawalan dalaman yang kukuh (Juahir et al. 2010). Secara tidak langsung, ia akan dapat mengurangkan kecenderungan untuk berlakunya kesilapan dalam penyata kewangan dan sekali gus membolehkan sebarang kerja dapat disiapkan dengan lebih awal (Al-Ghanem & Hegazy 2010; Khasharmeh & Aljifri 2010). Kajian ini juga menunjukkan bahawa juruaudit syarikat yang lebih besar telah mendapat penekanan yang lebih berat daripada pihak klien mereka supaya melengkapkan siasatan audit dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Juahir et al. (2010) telah menguji Hubungan antara laporan kewangan palsu dan ciri-ciri syarikat seperti saiz, jenis milikan dan kualiti audit dalam syarikat-syarikat yang telah diaudit oleh LHDNM selepas pelaksanaan sistem STS di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa saiz syarikat yang diaudit dan saiz syarikat audit yang menjalankan audit cukai mempunyai kesan ke atas aktiviti pengelakan cukai melalui laporan kewangan palsu. Selain itu, mereka juga menekankan bahawa dalam proses memilih kes untuk diaudit, juruaudit cukai perlu memberi penekanan kepada syarikat yang diaudit oleh syarikat audit bersaiz kecil kerana kemungkinan besar juruaudit tersebut akan memberikan perkhidmatan audit yang berkualiti lebih rendah berbanding kualiti audit oleh syarikat audit yang saiznya lebih besar. Oleh itu, saiz syarikat merupakan salah satu faktor penentu pilihan kes-kes audit oleh JAC.

Di samping itu, tempoh penyelesaian audit cukai di Malaysia telah dikaji berdasarkan data yang diperoleh pada

tahun 2011 (Lai et al. 2013). Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan juruaudit mengambil masa antara enam hingga lapan belas bulan untuk menyelesaikan suatu kes audit. Satu kajian yang dijalankan oleh Khalid dan Qais (2012) telah mengkaji tentang ketepatan masa laporan audit di Jordan. Mereka membincangkan faktor yang menentukan ketepatan masa laporan audit disiapkan dalam masa yang ditetapkan di negara Jordan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa selain daripada nisbah keuntungan sektor perkhidmatan dan jenis syarikat audit, saiz syarikat yang diaudit turut menunjukkan hubungan yang negatif dengan ketepatan masa laporan audit disiapkan. Keputusan ini turut disokong oleh hasil-hasil penyelidikan yang lain (Khasharmeh & Aljifri 2010; Al-Ghanem & Hegazy 2010). walaupun terdapat juga kajian yang telah melaporkan sebaliknya (Leventis & Weetman 2004; Owusu-Ansah & Leventis 2006; Che-Ahmad & Abidin 2008).

H1: Terdapat hubungan yang positif antara saiz syarikat yang diaudit dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.

Kerumitan transaksi perniagaan berkait rapat dengan saiz syarikat. Ini kerana syarikat-syarikat yang bersaiz besar biasanya mempunyai struktur operasi yang lebih kompleks. Justeru itu perkhidmatan juruaudit cukai yang lebih berpengalaman tinggi sering diperlukan disebabkan potensi transaksi perniagaan yang rumit dan mendalam (Boon et al. 2007, Chadegani et al. 2011). Lai et al. (2013) telah menjalankan kajian mengenai kes pengelakan cukai syarikat berdasarkan data yang dikumpul daripada kes-kes audit yang telah disiapkan pada tahun 2011. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerumitan transaksi perniagaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi penyelesaian kes audit dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sejalan dengan ini, hipotesis kedua dalam kajian ini dibangunkan.

H2: Terdapat hubungan yang positif antara kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.

Penyimpanan rekod pengiraan yang betul dan tepat juga adalah suatu keperluan dalam setiap perniagaan yang mempunyai visi untuk berkembang atau menonjol dalam pasaran yang semakin kompetitif. Isa (2014) telah menyiasat kerumitan cukai dalam sistem cukai korporat Malaysia. Kajian tersebut mendapati bahawa banyak pembayar cukai korporat mempunyai kesukaran untuk mengekalkan rekod dan dokumen urus niaga perniagaan mereka. Ramai pembayar cukai juga tidak dapat mengemukakan dokumentasi sokongan semasa pengauditan atas alasan seperti kehilangan dokumen. Selain itu, kajian yang dijalankan di Australia oleh Smith (1995) juga telah melaporkan bahawa ramai individu yang mempunyai kesukaran dalam mengumpul dan memelihara dokumentasi perakaunan yang sah dan memberi kesan

kepada proses audit. Bagi pembayar cukai korporat bersaiz kecil, Pope dan Abdul-Jabbar (2008) melaporkan bahawa penyimpanan rekod kira-kira dan maklumat percukaian tidak diberi keutamaan. Faktor-faktor tersebut berkemungkinan menyumbang terhadap penangguhan dalam tempoh penyiapan audit cukai disebabkan dokumen-dokumen sokongan tidak dikeluarkan tepat pada masanya.

H3: Terdapat hubungan yang positif antara penyimpanan rekod perniagaan oleh pembayar cukai dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.

Kerjasama pembayar cukai adalah penting supaya audit cukai boleh dilengkapkan tepat pada masa yang telah ditetapkan. Kebanyakan pembayar cukai dan ejen cukai mempunyai persepsi yang negatif terhadap pengauditan cukai. Justeru itu, secara umumnya, pengauditan cukai mendapat sambutan yang dingin kerana ia dianggap sebagai perkara yang boleh membawa tekanan yang tinggi, memakan masa yang panjang dan juga mengganggu hal ehwal perniagaan mereka (Yong & Rametse 2012). Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Choong dan Khin (2012) yang mendapati sebanyak 65.1% daripada pembayar cukai mempunyai perasaan tidak senang hati dan merasakan mereka mendapat layanan yang tidak adil oleh LHDNM dalam hal audit cukai. Kecenderungan untuk gagal memperoleh persetujuan daripada pembayar cukai masih wujud walaupun mesyuarat diadakan beberapa kali. Ini menunjukkan bahawa walaupun LHDNM mempunyai sistem cukai yang bertahap tinggi dan cekap, tanggapan pembayar-pembayar cukai terhadap sistem tersebut ialah satu isu yang penting kerana ia menentukan tahap pematuhan pembayar cukai terhadap sistem dan tahap kerjasama mereka ke arah penyelesaian audit cukai (Obeidat & Al Momani, 2009). Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang meningkatkan kelewatan tempoh audit cukai seperti ketidakpercayaan terhadap keputusan juruaudit cukai. Apabila pembayar cukai meragui hasil kerja audit dan keputusan yang dilakukan oleh juruaudit-juruaudit cukai, bantuan daripada pengurus audit diperlukan untuk berurusan dengan pembayar cukai dan menyelesaikan kes

audit tersebut. Kekurangan kerjasama daripada pembayar cukai untuk menyiapkan penilaian cukai telah disarankan sebagai suatu masalah yang menghindari proses audit cukai. Berdasarkan perbincangan ini, hipotesis keempat adalah seperti berikut:

H4: Terdapat hubungan yang positif antara kerjasama pembayar cukai yang diaudit dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.


Seseorang juruaudit cukai yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pengauditan cukai berpotensi untuk melambatkan penyelesaian audit cukai (LHDNM 2007). Sebagai contoh, jika seorang juruaudit cukai yang bertugas untuk mengaudit syarikat balak, tetapi tidak mempunyai pengetahuan tentang urusanniaga industri balak, boleh menyebabkan kelambatan tempoh penyelesaian audit. Terdapat juga kes audit yang diselesaikan dalam jangka masa yang singkat semata-mata untuk mematuhi syarat tempoh audit cukai (Ernst & Young 2006). Kajian-kajian lepas (iaitu Rizal 2005; Hung et al. 2005; Isa & Pope 2011) telah membangkitkan kepentingan juruaudit cukai meningkatkan kemahiran dan pengetahuan profesional mereka semasa mengaudit cukai bagi mengalakkan pencapaian penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ekoran daripada itu, hipotesis kelima telah dibangunkan seperti berikut:

H5: Terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan JAC terhadap kerja audit dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.

Berdasarkan hipotesis yang dibincangkan di atas, rangka kerja bagi kajian ini digubal melalui Rajah 1.

METODOLOGI

Kajian ini memilih pendekatan kuantitatif yang menjamin hasil kajian yang objektif (Zikmund et al. 2010). Sejarar dengan ini, kaedah soalselidik telah digunakan ke atas sampel JAC yang telah dipilih secara rawak. Kajian ini melibatkan tinjauan pendapat responden, iaitu Juruaudit Cukai (JAC) LHDNM, terhadap persoalan kajian. Secara



RAJAH 1. Rangka Kerja Kajian

keseluruhan, terdapat 37 cawangan LHDNM di Malaysia, dengan setiap cawangan memiliki Jabatan Audit Luar masing-masing. Terdapat 483 JAC luar yang berkhidmat di 37 cawangan LHDNM di seluruh Malaysia. Taburan 2 negeri tertinggi adalah Kuala Lumpur diikuti dengan Selangor dengan jumlah JAC sebanyak 129 dan 80 masing-masing. Oleh kerana Kuala Lumpur dan Selangor yang juga dikenali sebagai Lembah Kelang mempunyai jumlah populasi JAC yang tinggi, maka mereka terpilih sebagai populasi dan sampel kajian ini. Maka bilangan responden yang terpilih adalah seramai 209 orang. Dalam kajian ini, kajian soal selidik telah dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut telah diedar di kesemua cawangan terpilih dengan bantuan 2 orang wakil LHDN iaitu Tuan Abdul Rahman Bin Manan selaku Pegawai Penyelaras Pentabiran dan Tuan Rajendran A/L Muniandy selaku Pembantu Pengarah di pejabat cukai pendapatan. Senarai nama responden telah diperolehi melalui Pegawai Penyelaras Pentadbiran LHDNM. Ukuran bagi pembolehubah tidak bersandar dan bersandar adalah seperti di Jadual 1.

ANALISIS DATA

Data yang dikumpul telah dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS, khususnya melalui analisis deskriptif, ujian kenormalan dan kebolehppercayaan, analisa korelasi Pearson dan analisis regresi berganda. Analisis deskriptif dilakukan untuk mengira dan memahami frekuensi dan peratusan latar belakang demografi responden-responden. Ciri-ciri demografi ini terdiri daripada jantina, tempat pekerjaan, jawatan pekerjaan dan pengalaman bekerja. Selain dari itu, ujian kenormalan juga telah dijalankan untuk menentukan jika set data yang diperolehi dari kajian ini mewakili taburan normal yang baik (Thode 2002). Ini diikuti oleh ujian kebolehppercayaan yang dijalankan adalah untuk menilai tahap konsisten dalaman, kestabilan ukuran dan potensi kesilapan ukuran "Cronbach's alpha" yang patut berada dalam lingkungan 0 hingga 1 (Cronbach, 1951). Menurut Hair et al. (2006), nilai alpha yang minimum bagi suatu kajian penerokaan berkemungkinan sama dengan atau melebihi 0.60. Selain Cronbach alpha, kajian ini juga telah menjalankan analisis korelasi pearson

bagi menentukan kewujudan perhubungan antara dua pemboleh ubah (Taylor & Uhlig 1990). Dalam kajian ini, analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengukur kekuatan perhubungan antara lima pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor-faktor yang menyumbang terhadap penanggungan dalam penyelesaian audit cukai. Bagi menyempurnakan analisis kajian, analisis regresi berganda telah digunakan untuk mengkaji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu saiz syarikat, kerumitan transaksi, penyimpanan rekod, kerjasama pembayar cukai, pengetahuan JAC dan pemboleh ubah bersandar iaitu tempoh audit cukai. Persamaan bagi model regresi berganda adalah seperti berikut:

$$\text{TEMPOH} = \beta_0 + \beta_1 (\text{SIZESYRKT}) + \beta_2 (\text{KERUMITAN}) + \beta_3 (\text{REKOD}) + \beta_4 (\text{KERJASAMA}) + \beta_5 (\text{PENGETAHUAN}) + \varepsilon$$

yang mana;

TEMPOH	=	Penyelesaian audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC
SIZESYRKT	=	Saiz syarikat yang diaudit
KERUMITAN	=	Kerumitan transaksi perniagaan
REKOD	=	Penyimpanan rekod perniagaan
KERJASAMA	=	Kerjasama pembayar cukai
PENGETAHUAN	=	Pengetahuan JAC terhadap kerja audit
ε	=	Ralat

Borang kaji selidik telah dihantar kepada 209 responden JAC. Namun hanya 204 borang soal selidik sahaja yang diterima semula daripada responden-responden kajian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 borang didapati tidak lengkap menjadikan bilangan akhir adalah sebanyak 200 borang lengkap telah diterima dengan kadar jawapan melebihi 75%. Ini selaras dengan saranan Sekaran (2005), iaitu jika soal selidik yang tidak dijawab tidak melebihi 25% maka masih boleh digunakan dan tidak perlu digugurkan. Jadual 2 menunjukkan hasil ujian kenormalan yang telah dijalankan ke atas data yang diterima.

Nilai kepencongan (*skewness*) bagi kesemua item dibawah pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor

JADUAL 1. Sumber Pembentukan Soalan Soal Selidik dan Ukuran

Pembolehubah tidak bersandar	Sumber	Ukuran
Saiz syarikat yang diaudit	Alkhatib dan Marji 2012	Skala Likert bertahap lima dengan setiap tahap didefinisikan sebagai sangat setuju, setuju, neutral, tidak setuju dan sangat tidak setuju.
Kerumitan transaksi perniagaan	Chadegani et al. 2011	
Penyimpanan rekod perniagaan	Isa 2014	
	Pope dan Abdul Jabbar 2008	
	Chong dan Khin 2012	
Kerjasama pembayar cukai	Yong dan Rametse 2010	
	Muhammad 2013	
Pengetahuan JAC terhadap kerja audit	Yong dan Rametse 2010	

JADUAL 2. Rumusan Ujian Kenormalan

Faktor Saiz Syarikat	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	-.365	-.372	.097	-.035	.306
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	-.928	-1.489	-1.008	-1.02	-1.253
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342
Faktor Pengetahuan JAC terhadap kerja audit	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	-.031	-.517	-.372	.097	-.035
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	-.920	.538	-1.489	-1.008	-.102
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342
Faktor Kerumitan Transaksi Perniagaan	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	-.119	.589	-.595	-.313	.011
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	-.469	-.824	-.103	.215	-.872
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342
Faktor Penyimpanan Rekod Perniagaan	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	.097	-.035	.306	-.915	.168
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	-1.008	-.102	-1.253	1.701	-.762
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342
Faktor Kerjasama Pembayar Cukai	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	-.591	.186	-.119	.589	-.595
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	.519	-.287	-.469	-.824	-.103
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342
Penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC	Item 1	Item 2	Item 3	Item 4	Item 5
Sah	200	200	200	200	200
Hilang	0	0	0	0	0
Kepencongan	.557	.557	-.243	.189	-.448
Std. Ralat Kepencongan	.172	.172	.172	.172	.172
Kurtosis	-.886	-.886	.121	-1.050	-.742
Std. Ralat Kurtosis	.342	.342	.342	.342	.342

saiz syarikat, pengetahuan JAC terhadap kerja audit, kerumitan transaksi perniagaan, penyimpanan rekod perniagaan, kerjasama pembayar cukai dan pembolehubah bersandar iaitu penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC. Nilai kepencongan bagi audit cukai adalah di antara -3 dan

+3. Manakala nilai kurtosis bagi kesemua item dibawah kelima-lima pembolehubah tidak bersandar dan satu pembolehubah bersandar diatas adalah di antara -10 dan +10. Ini bermaksud set data untuk kesemua item dibawah setiap satu pembolehubah yang disebut diatas adalah bertaburan secara normal.

Ujian ketidakpercayaan menerusi Cronbach's Alpha dirumuskan di Jadual 3. Berdasarkan Jadual 3, nilai *Cronbach's Alpha* bagi keseluruhan instrumen ialah 0.944, bermakna data yang diterima memiliki kekuatan korelasi yang cemerlang (Hair et al. 2010) antara item-item di dalam setiap satu konstruk. Oleh itu kesemua 30 item di dalam borang soal selidik ini boleh diterima pakai. Keputusan individu setiap pembolehubah juga menunjukkan skala Cronbach yang melampaui nilai Cronbach yang standard, iaitu 0.60 ke atas. Hal ini sekaligus membuktikan kesemua pembolehubah yang digubal boleh diterima.

ANALISIS DESKRIPTIF

Analisa deskriptif menunjukkan latar belakang demografi responden di dalam kajian ini. Jadual 4 merumuskan keputusan deskriptif demografi responden berkenaan jantina, umur, negeri, nama cawangan, status pekerjaan sebagai juruadit cukai, tempoh perkhidmatan, sijil-sijil perakaunan atau percukaian profesional dan tempoh sijil-sijil perakaunan atau percukaian profesional.

Merujuk kepada Jadual 4, jumlah bagi responden lelaki dan perempuan adalah sama, iaitu masing-masing seramai 100 orang. Bagi kategori umur pula, kumpulan responden yang berumur 26 hingga 35 tahun adalah yang paling ramai dengan jumlah 91 orang, diikuti kumpulan responden yang berumur 36 hingga 45 tahun seramai 77 orang. Manakala kumpulan responden 25 tahun ke bawah dan 46 tahun keatas memiliki jumlah responden yang sama iaitu masing-masing seramai 16 orang. Jadual 4 juga menunjukkan bahawa majoriti JAC yang dikaji adalah dari WP Kuala Lumpur iaitu seramai 138 orang, dan hanya 62 orang sahaja dari Selangor. Dari segi status pekerjaan, majoriti responden yang terlibat adalah bekerja secara tetap berbanding responden yang bekerja secara kontrak dengan jumlah masing-masing seramai 182 dan 18 orang. Kategori responden seterusnya ialah tempoh perkhidmatan. Keputusan menunjukkan bahawa kebanyakan responden (75 orang atau 37,5%) telah berkhidmat sebagai JAC di antara 3 hingga 5 tahun di organisasi masing-masing. Ini merupakan jumlah yang paling ramai penglibatannya di dalam kajian ini. Keputusan juga menunjukkan bahawa majoriti responden (iaitu 123 JAC atau 61.5%) mempunyai

sijil-sijil perakaunan atau percukaian profesional selama lebih dari 10 tahun.

UJIAN KOLERASI

Jadual 5 di bawah menunjukkan keputusan nilai kolerasi bagi semua pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini. Keputusan menunjukkan kelima-lima pembolehubah tidak bersandar mempunyai nilai koefisien korelasi (r) di dalam kumpulan koefisien antara 0.61 dan 0.80 (Saunders et al. 2012) dan nilai signifikan, $p = .000$ dibawah tahap signifikan 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara setiap satu pembolehubah tidak bersandar dengan tempoh masa penyelesaian kes audit. Di antara kelima-lima pembolehubah tidak bersandar, faktor kerumitan industri mempunyai nilai koefisien yang paling tinggi berbanding faktor yang lain, iaitu $r = .787$. Ini diikuti oleh faktor kerjasama pembayar cukai, faktor saiz syarikat, faktor penyimpanan rekod perniagaan dan terakhir sekali faktor pengetahuan JAC terhadap kerja audit, iaitu dengan nilai koefisien masing-masing $r = .780$, $r = .738$, $r = .731$ dan $r = .640$. Berdasarkan keputusan ini, ujian multicollinearity telah dijalankan menggunakan ujian Variation Inflation Factor (VIF). Hair et al. (2010) dan Pallant (2010) mengunjurkan bahawa nilai VIF dibawah tahap 10 menunjukkan ketiadaan isu multicollinearity (rujuk Jadual 6).

REGRESI BERGANDA

Perbincangan ujian hipotesis dimulakan dengan keputusan nilai R yang tertera di Jadual 7. Nilai r sebanyak 0.871 menunjukkan hubungan yang sangat kuat antara kelima-lima pembolehubah tidak bersandar dan tempoh masa audit cukai. Ujian juga menunjukkan nilai R Square sebanyak 0.759, yang memberi maksud bahawa 75.9% daripada variasi dalam tempoh masa audit cukai adalah dijelaskan oleh kelima-lima pembolehubah tidak bersandar iaitu: saiz syarikat yang diaudit, kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit, bentuk penyimpanan rekod perniagaan pembayar cukai, kerjasama pembayar cukai dan tahap pengetahuan JAC. Ini bermaksud model regresi yang dipilih adalah sangat berguna untuk membuat ramalan tempoh masa

JADUAL 3. Rumusan Statistik Ujian Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Skala <i>Cronbach's Alpha</i>	Jumlah Item
Keseluruhan Instrumen	0.944	30
Pembolehubah Bersandar		
Penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC	0.754	5
Pembolehubah Tidak Bersandar		
Faktor Saiz Syarikat	0.787	5
Faktor Pengetahuan JAC terhadap kerja audit	0.735	5
Faktor Kerumitan Transaksi Perniagaan	0.685	5
Faktor Penyimpanan Rekod Perniagaan	0.774	5
Faktor Kerjasama Pembayar Cukai	0.739	5

JADUAL 4. Rumusan Demografi Responden

DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)	PERATUS SAH (%)
JANTINA			
Perempuan	100	50.0	50.0
Lelaki	100	50.0	50.0
Jumlah	200	100.0	100.0
UMUR			
25 tahun ke bawah	16	8.0	8.0
26 hingga 35 tahun	91	45.5	45.5
36 hingga 45 tahun	77	38.5	38.5
46 tahun ke atas	16	8.0	8.0
Jumlah	200	100.0	100.0
NEGERI			
WP Kuala Lumpur	138	69.0	69.0
Selangor	62	31.0	31.0
Jumlah	200	100.0	100.0
STATUS PEKERJAAN SEBAGAI JURUAUDIT CUKAI			
Kontrak	18	9.0	9.0
Tetap	182	91.0	91.0
Jumlah	200	100.0	100.0
TEMPOH PERKHIDMATAN			
Kurang daripada 1 tahun	4	2.0	2.0
1 - 2 tahun	24	12.0	12.0
3 - 5 tahun	75	37.5	37.5
5 - 10 tahun	44	22.0	22.0
10 tahun ke atas	53	26.5	26.5
Jumlah	200	100.0	100.0
SIJIL-SIJIL PERAKAUNAN ATAU PERCUKAIAN PROFESIONAL			
MITI	6	3.0	4.1
MIA	30	15.0	20.5
ACCA	58	29.0	39.7
CIMA	4	2.0	2.7
MICPA	4	2.0	2.7
IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN	2	1.0	1.4
DIPLOMA LANJUTAN PERCUKAIAN	34	17.0	23.3
CTIM	2	1.0	1.4
LHDNM	3	1.5	2.1
AIA	1	0.5	0.7
IJAZAH SARJANA SAINS KEWANGAN	1	0.5	0.7
LAIN-LAIN	1	0.5	0.7
Total	146	73.0	100.0
Hilang	54	27.0	
Jumlah	200	100.0	
TEMPOH SIJIL-SIJIL PERAKAUNAN ATAU PERCUKAIAN PROFESIONAL			
Kurang daripada 1 tahun	8	4.0	6.5
1 - 2 tahun	14	7.0	11.4
3 - 5 tahun	46	23.0	37.4
5 - 10 tahun	32	16.0	26.0
10 tahun ke atas	23	11.5	18.7
Total	123	61.5	100.0
Hilang	77	38.5	
Jumlah	200	100.0	

JADUAL 5. Korelasi Pearson r

		Penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC	Saiz Syarikat	Pengetahuan Juruaudit	Kerumitan Industri	Pematuhan Penyimpanan Rekod Perniagaan	Kerjasama Pembayar Cukai
Penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	1 200					
Saiz Syarikat	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	.738** .000 200	1 200				
Pengetahuan JAC terhadap audit cukai	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	.640** .000 200	.869** .000 200	1 200			
Kerumitan Transaksi Perniagaan	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	.787** .000 200	.704** .000 200	.563** .000 200	1 200		
Penyimpanan Rekod Perniagaan	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	.731** .000 200	.862** .000 200	.730** .000 200	.753** .000 200	1 200	
Kerjasama Pembayar Cukai	Kolerasi Pearson Sig. (1-tailed) N	.780** .000 200	.593** .000 200	.469** .000 200	.869** .000 200	.711** .000 200	1 200

** Kolerasi signifikan pada tahap 0.05 (1-tailed).

JADUAL 6. Ujian Multicollinearity

Model		Statistik Kolineariti	
		Toleransi	VIF
1	Saiz Syarikat	.124	8.055
	Pengetahuan JAC terhadap audit cukai	.240	4.174
	Kerumitan transaksi perniagaan	.189	5.292
	Penyimpanan Rekod Perniagaan	.195	5.122
	Kerjasama Pembayar Cukai	.222	4.501

JADUAL 7. Ringkasan Model

Model	R	R Persegi	R Persegi Diselaraskan	Std. Ralat Anggaran
1	.871 ^a	.759	.753	.31994

a: Peramal (Berterusan), Faktor kerjasama pembayar cukai, Faktor pengetahuan JAC terhadap audit cukai, Faktor kerumitan transaksi perniagaan, Faktor penyimpanan rekod perniagaan, Faktor saiz syarikat

audit cukai, disebabkan nilai *R Square* yang sangat hampir dengan nilai 1. Seterusnya larasan *R Square* ialah 0.753 iaitu sangat dekat dengan 0.759, lantus menunjukkan bahawa jika berlaku sebarang pengubahsuaian atau penambahan kepada bilangan pemboleh ubah di dalam model ini, nilai *R Square* hanya akan menurun kepada 0.753 dan ia masih berdekatan dengan 1.

Tahap signifikan setiap pemboleh ubah ada ditunjuk di Jadual 8. Faktor kerjasama pembayar cukai didapati signifikan (nilai Sig .000) oleh kerana kurang daripada tahap signifikan 0.05. Manakala faktor-faktor pengetahuan JAC terhadap audit cukai, penyimpanan rekod perniagaan dan kerumitan transaksi perniagaan, masing-masing adalah signifikan dibawah tahap signifikan 0.05 dengan

nilai Sig .018, .024 dan .034, masing-masing. Hanya faktor saiz syarikat mempunyai nilai signifikan dibawah tahap signifikan 0.05 (nilai Sig .069). Seterusnya, koefisien berpiawaian Beta (*Standardized coefficient Beta*) digunakan untuk mengetahui kepentingan dan pengaruh kesemua pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar.

Selain itu, koefisien berpiawaian *Beta* juga digunakan untuk membandingkan kepentingan pemboleh ubah tidak bersandar yang tidak memiliki unit pengukur khusus menggunakan sisihan piawai yang diwakili oleh *Beta*. Keputusan menunjukkan bahawa faktor pengetahuan JAC terhadap audit cukai ($\beta = 0.116$, $p = 0.018$), kerumitan transaksi perniagaan ($\beta = 0.116$, $p = 0.034$),

JADUAL 8. Pekali

Model		Pekali		T	Sig.
		Unstandardized	Pekali Standardized		
		B	Kesalahan Std. Beta		
1	(Berterusan)	-.414	.192	-2.151	.033
	Faktor Saiz Syarikat	.096	.053	.117	.069
	Faktor Pengetahuan JAC terhadap audit cukai	.140	.059	.116	.018
	Faktor Kerumitan Transaksi Perniagaan	.116	.055	.116	.034
	Faktor Penyimpanan Rekod Perniagaan	.111	.049	.113	.024
	Faktor Kerjasama Pembayar Cukai	.604	.044	.623	.000

penyimpanan rekod perniagaan ($\beta = 0.113$, $p = 0.024$) dan kerjasama pembayar cukai ($\beta = 0.623$, $p = 0.000$) mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan pembolehubah bersandar. Faktor saiz syarikat pula tidak mempunyai kepentingan yang signifikan terhadap pembolehubah bersandar disebabkan nilai Sig melebihi paras signifikan yang digunakan, iaitu tahap 0.05. Kesemua faktor-faktor di dalam kajian ini di piawai menggunakan nilai signifikan (Sig) yang lebih rendah dari tahap 0.05. Ini sejajar dengan cadangan yang diberi oleh Fisher (1925), seorang ahli statistik terkemuka yang mencadangkan penggunaan nilai 0.05. Jadual 9 memberi ringkasan berkenaan keputusan ujian hipotesis.

PERBINCANGAN

Ujian hipotesis mendapati pembolehubah tidak bersandar iaitu 'saiz syarikat yang diaudit' tidak mempengaruhi penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC. Beberapa kajian lepas (Alkhatib dan Marji 2012; Septiyan dan Puspitasari 2017) telah mendokong perjalinan yang signifikan diantara saiz syarikat dan pencapaian audit cukai dalam tempoh masa yang mendapati syarikat besar selalunya mempunyai pengaruh besar dalam penentuan ketepatan masa audit dalam tempoh yang ditetapkan. Ini kerana syarikat

JADUAL 9. Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis

Hipotesis	Keputusan	Ringkasan
H₁ : Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara saiz syarikat yang diaudit dan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC	Keputusan menunjukkan pekali Beta yang positif namun tidak signifikan secara statistik pada aras 5%.	H₁ ditolak. Saiz syarikat yang diaudit tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC
H₂ : Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit dan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.	Keputusan menunjukkan pekali Beta yang positif dan signifikan secara statistik pada aras 5%.	H₂ diterima. Kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.
H₃ : Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penyimpanan rekod perniagaan oleh pembayar cukai yang diaudit dan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.	Keputusan menunjukkan pekali Beta yang positif dan signifikan secara statistik pada aras 5%.	H₃ diterima. Amalan penyimpanan rekod perniagaan oleh syarikat yang diaudit mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC
H₄ : Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kerjasama pembayar cukai syarikat yang diaudit dan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.	Keputusan menunjukkan pekali Beta yang positif dan signifikan secara statistik pada aras 5%.	H₄ diterima. Kerjasama oleh pembayar cukai yang diaudit mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.
H₅ : Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pengetahuan JAC terhadap kerja audit dengan penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.	Keputusan menunjukkan pekali Beta yang positif dan signifikan secara statistik pada aras 5%.	H₅ diterima. Pengetahuan JAC terhadap kerja audit mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap penyelesaian kes audit cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh RKAC.

tersebut selalunya melantik juruaudit terbaik untuk menyelesaikan tugas audit syarikat mereka (Septiyan dan Puspitasari 2017). Akan tetapi ini tidak terjadi di kajian ini dan bermungkinan kerana responden di kajian ini mempraktikkan struktur kerja audit luar yang teratur, terutamanya juruaudit daripada latar belakang CPCB. Ini membolehkan juruaudit menetapkan ketepatan masa audit terhadap pelanggan mereka dari berbagai saiz syarikat. Kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit mempunyai impak yang positif dan signifikan kepada ketepatan masa tempoh audit cukai. Pekali bagi hubungan ini adalah signifikan dan bernilai 0.11, yang menunjukkan bagi setiap peningkatan kerumitan industri diaudit sebanyak 1%, ketepatan masa audit cukai akan meningkat sebanyak 0.11%. Ini adalah seiring dengan kajian empirikal terdahulu. Kajian akademik yang dilakukan oleh Boon et al. (2007) dan Chadageni et al. (2011) menemukan bahawa kerumitan transaksi perniagaan yang diaudit menyumbang secara langsung kepada masa yang diambil untuk menyelesaikan proses audit cukai.

Keputusan regresi juga menunjukkan kewujudan hubungan yang positif dan signifikan di antara amalan penyimpanan rekod perniagaan dan penyelesaian audit cukai dalam masa yang ditetapkan oleh RKAC di Malaysia. Ini selari dengan penemuan kajian oleh Smith (1995), Pope dan Abdul-Jabbar (2008) serta Isa (2014). Penemuan di kajian ini membuktikan bahawa pembayar cukai seharusnya melaksanakan amalan menyimpan rekod dan simpan kira untuk memastikan kelancaran penyelesaian proses audit cukai. Ketiadaan usaha tersebut menunjukkan kawalan dalaman dan sistem yang tidak kompeten oleh organisasi. Usaha ini sangat mustahak untuk diamalkan terutamanya bagi syarikat yang mempunyai kaedah pemfailan yang berlainan kerana JAC merasakan terdapat cabaran dalam memahami proses perpindahan maklumat dalam syarikat yang mempunyai sistem pemfailan yang berbeza. Insiden ini akan menjurus kepada kelewatan penyelesaian audit cukai. isu ini perlu diberi perhatian terutamanya oleh syarikat kecil berbanding syarikat korporat.

Analisis juga memaparkan tahap kerjasama yang diberikan oleh syarikat pembayar cukai yang diaudit mempunyai pengaruh terhadap tempoh penyelesaian audit cukai. Kerjasama yang diberikan boleh terdiri daripada kepatuhan terhadap cukai, yang mana boleh didefinisikan sebagai sejauh mana pembayar cukai itu patuh kepada undang-undang negara berkaitan perihal cukai (Marziana et al. 2010). Memperolehi kerjasama yang baik daripada pelanggan akan memastikan semua aktiviti audit termasuk proses menjejak audit dipatuhi dan disiapkan secara cepat (Badara 2012).

Keputusan regresi menunjukkan hubungan positif dan signifikan di antara pengetahuan JAC terhadap audit cukai dan penyelesaian audit cukai dalam tempoh yang dibenarkan oleh RKAC. Ini selari dengan penemuan Sabherwal dan Becerra-Fernandez (2003), Leventis et al. (2004), Dogan et al. (2007) dan Kanyamon (2014) yang

mendapati hubungan yang signifikan di antara pengetahuan para juruaudit dan ketepatan masa audit.

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji penentu audit cukai yang cekap dengan tumpuan khusus terhadap tempoh masa penyelesaian audit cukai. Penentu-penentu ini telah dirangka berpandukan sokongan literatur terdahulu. Kaedah statistik kuantitatif telah digunakan dengan menguji rangka kerja dengan 209 sampel responden juruaudit. Dapatan kajian ini menemui faktor kerumitan transaksi perniagaan, penyimpanan rekod perniagaan, kerjasama pembayar cukai, serta pengetahuan JAC terhadap audit cukai didapati mempengaruhi penyelesaian audit cukai mengikut tempoh masa yang dicadangkan oleh RKAC. Faktor saiz syarikat tidak begitu signifikan dalam menentukan penyelesaian audit cukai mengikut tempoh masa yang direkomenkan oleh RKAC. Kajian ini seterusnya mencadangkan bahawa audit cukai di Malaysia dipengaruhi dengan kuat oleh keempat faktor ini yang mana ianya harus dipertimbangkan secara signifikan sebelum, semasa dan selepas menjalankan audit cukai. Kedua-dua juruaudit cukai dan pelanggan sendiri harus sedar dengan faktor-faktor ini dan sebolehnya melaksanakan pelan rancangan untuk mewujudkan sekaligus melibatkan faktor-faktor ini sepanjang proses audit cukai. Kesimpulan yang dicapai dalam kajian ini adalah audit merupakan satu proses yang mencabar dan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kedua pihak pelanggan dan juruaudit cukai harus teliti dalam mengendalikan proses audit cukai dengan cara yang membantu menyumbang ke arah penyelesaian audit cukai tanpa sebarang halangan penangguhan mahupun kelewatan.

RUJUKAN

- Al-Ghanem, W. & Hegazy, M. 2010. An empirical analysis of audit delays and timeliness of corporate financial reporting in Kuwait. *Eurasian Business Review* 1: 70-87.
- Alkhatib, K. & Marji, Q. 2012. Audit reports timeliness: Empirical evidence from Jordan. *Procedia - Social and Behavioral Sciences Journal* 62: 1342-1349.
- Badara, M.S. 2012. The effect of tax audit on tax compliance in Nigeria. *Research Journal of Accounting and Finance* 3(4): 74-80.
- Boon, K., McKinnon, J. & Ross, P. 2007. Factors associated with the choice of a quality auditor when audit tendering is compulsory. *Accounting and Business Research* 31(2): 133-144.
- Chadegani, A.A., Mohamed, Z.M. & Jari, A. 2011. The determinant factors of auditor switch among companies listed on Tehran stock exchange. *International Research Journal of Finance and Economics* 80.
- Che-Ahmad, A. & Abidin, S. 2008. Audit delay of listed companies: A case of Malaysia. *International Business Research* 1(4): 32-39.
- Choong, K.C. & Khin, W.S.E. 2012. Disclosure of self-assessment tax systems on Malaysian agriculture based industries. *Journal of Development and Agricultural Economics* 4(13): 361-370.

- Choong, K.F. & Wong, E.S.K. 2012. Available disclosure of self-assessment tax system on Malaysian agriculture based industries. *Journal of Development and Agricultural Economics* 4(13): 361-370.
- Cronbach, L.J. 1951. Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika* 16: 297-334.
- Dogan, M., Coskun, E. & Celik, O. 2007. Is timing of financial reporting related to firm performance? An examination on listed companies. *International Research Journal of Finance and Economics* 12: 220-233.
- Ernst & Young E.Y. 2006. *Annual Tax Survey Report*. Malaysia
- Fisher, R. 1925. Theory of statistical estimation. *Mathematical proceedings of the Cambridge Philosophical Society* 22(5): 700-725.
- Hair, J.F., Black, B., Babin, B., Danerson, R.E. & Tatham, R.L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. 6th edition. Harlow: Pearson Education.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R. L. & Black, W.C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. 7th edition. New York: Prentice Hall International Inc.
- Hung, Y.C., Huang, S.M., Lin, Q.P. & Tsai M.L. 2005. Critical factors in adopting a knowledge management system for the pharmaceutical industry. *Industrial Management and Data System* 105(2): 164-183.
- Isa, K. 2014. Tax complexities in the Malaysian corporate tax system: Minimise to maximize. *International Journal of Law and Management* 56(1): 50-65.
- Isa, K. & J. Pope. 2011. Corporate taxpayers' compliance variables: Findings from a study of focus groups in Malaysia. *Journal of Global Review of Accounting and Finance*: 42-56.
- Juahir, M.N., Norsiah, A. & Norman, M.S. 2010. Fraudulent financial reporting and company characteristics: Tax audit evidence. *Journal of Financial Reporting and Accounting* 8: 128-142.
- Kanyamon W. 2014. Professional judgement effectiveness: A study of tax auditors in Thailand. *Global Conference on Business and Finance Proceedings*. 9. Mahasarakham University.
- Khalid, A. & Qais, M. 2012. Audit reports timeliness: Empirical evidence from Jordan. *Journal of Social and Behaviour Science*: 1342-1349.
- Khasharmeh, H.A. & Aljifri, K. 2010. The timeliness of annual reports in Bahrain and the United Arab Emirates: An empirical comparative study. *The International Journal of Business and Finance Research* 4(1): 51-71.
- Lai, M.L., Zalilawati, Y., Normah, O., Norashikin, A.A. & Bee, W.Y. 2013. Examining corporate tax evaders: Evidence from the finalized audit cases. *World Academy of Science, Engineering and Technology* 78: 396-400.
- Leventis, S., Weetman, P. & Caramanis, C. 2004. Determinants of audit report lag: Some evidence from the Athens Stock Exchange. *International Journal of Auditing* 9: 45-58.
- LHDNM, 2000. *Laporan Tahunan 2000*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2001. *Laporan Tahunan 2001*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2002. *Laporan Tahunan 2002*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2003. *Laporan Tahunan 2003*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2004. *Laporan Tahunan 2004*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2005. *Laporan Tahunan 2005*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2006. *Laporan Tahunan 2006*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2007. *Laporan Tahunan 2007*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2008. *Laporan Tahunan 2008*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2009. *Laporan Tahunan 2009*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2010. *Laporan Tahunan 2010*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2011. *Laporan Tahunan 2011*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2012. *Laporan Tahunan 2012*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2013. *Laporan Tahunan 2013*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2014. *Laporan Tahunan 2014*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- LHDNM, 2015. *Laporan Tahunan 2015*. Penerbit Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Lymer, A. & Oats, L. 2009. *Taxation: Policy and Practice*. 16th edition. Birmingham: Fiscal Publications.
- Marziana H. Mohamad, Ahmad H. & Deris, M. 2010. Perceptions of taxpayers with level of compliance: A comparison in the East Coast Region, Malaysia. *Journal of Global B Business and Economics* 1(1): 241-257.
- Muhammad, I. 2013. An exploratory study of Malaysian tax auditors' enforcement regulatory styles. *Journal of Social and Behaviour Science*: 188-196.
- Obeidat, M.I.S. & Al Momani, M.A. 2009. How taxpayers perceive efficiency of Jordanian tax system according to the Keynesian perspective of tax efficiency? *Journal of Economic and Administrative Sciences* 80-107.
- OECD. 2012. Development Corporation Report 2012. <http://www.oecd.org/development/dcr2012.htm>.
- Owusu-Ansah, Stephen. & S. Leventis. 2006. Timeliness of corporate annual financial reporting in Greece. *European Accounting Review* 15(2): 273-287.
- Pallant, J. 2010. *A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. 4th edition. Australia: Allen & Unwin.
- Pope, J. & Abdul-Jabbar, H. 2008. Small and Medium-Sized enterprises and tax compliance burden in Malaysia: Issues and challenges for tax administration". *The Journal of SEANZ* 16: 47-60.
- Rizal, P.M. 2005. Tax payers knowledge: A descriptive evidence on demographic factors in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting* 7: 11-21.
- Saunders, M., Lewis, P. & Thornhill, A. 2012. Selecting samples. In *Research Methods For Business Students*. 6th edition. Harlow: Pearson Education Limited.
- Sabherwal, R. & Becerra-Fernandez, I. 2003. A empirical study of the effect of knowledge management processes at individual, group and organizational levels. *Decision Sciences* 34 (2): 225-259.
- Sekaran, U. 2005. *Research Methods for Business. A Skill Building Approach*. 4th edition. New York: Wiley & Sons Inc.
- Septiyani, A.H. & Puspitasari, E. 2017. Do company's attributes dan audit related factors affect timeliness of financial reporting? Parahyangan International 3rd Accounting dan Business Conference 2017: 608-626.
- Shanmugam, S. 2003. Managing self assessment - An appraisal, *Tax Nasional*, 1st Quarter: 30-32.

- Smith, W. 1995. *The Cultural Grounding of Tax Issues: Insights from Tax Audits*: 437-443.
- Taylor, J.B. & Uhlig, H. 1990. Solving nonlinear stochastic growth models: A comparison of alternative solution method. *Journal of Business and Economic Statistics* 8.
- Thode, H.C. 2002. *Testing for Normality*. Marcel Dekker, New York, USA.
- Yong, S. & Remetse, N. 2012. The influence of procedural fairness on the small business entrepreneurs dan their perception of the tax authority: A case study approach. *International Review of Business Research Papers*: 487-512.
- Zikmund, W.G., Babin, J., Carr, J. C. & Griffin, M. 2010. *Business Research Methods*. 8th edition. South Western Cengage Learning, USA.

Thilagavathy a/p Apadore*
 122 Jalan Koperasi 5
 Taman Ipoh Impian
 31400 Ipoh Perak
 MALAYSIA
 E-mail: thilarajen@yahoo.com

Rosiati Ramli
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 43600 UKM Bangi Selangor
 MALAYSIA
 E-mail: rosie@ukm.edu.my

Mohd Rizal Palil
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 43600 UKM Bangi elangor.
 E-mail: mr_palil@ukm.edu.my

*Corresponding author

